

30 JUN 1996

Desa Wawasan

SEBERANG PERAK DARI HUTAN BANAT KE DESA WAWASAN

Oleh: Lat Zaharah Mutalib

SEBERANG PERAK, 30 Jun (Bernama) -- Lawatan ke Rancangan Felcra Seberang Perak atau lebih dikenali sebagai "Trans Perak", yang terletak kira-kira 85 km dari Ipoh memberikan gambaran seolah-olah kita berada di kawasan tanaman gandum Prairie di Amerika Utara dengan sawah padi luas terbentang saujana mata memandang.

Malah ia bukan sahaja sebuah jelapang padi tradisional tetapi berteknologi tinggi yang menggunakan peralatan canggih dalam kerja ladangnya termasuk menggunakan kapal terbang untuk menabur baja.

Kejayaan projek pembangunan bersepadu Seberang Perak ini adalah kerana usaha gigih 15 tahun oleh 1,236 peserta rancangan itu, yang merupakan antara rakyat miskin di negeri ini yang diberikan peluang untuk mengubah nasib mereka dengan melibatkan diri dalam bidang pertanian secara pembangunan bersepadu, beserta bantuan pelbagai agensi kerajaan dan bantuan kewangan daripada Bank Dunia.

Mereka berjaya mengubah kawasan yang dipenuhi dengan hutan tebal dan tanah berpaya kepada sebuah desa membangun yang mempunyai pelbagai kemudahan, termasuk sekolah, surau, pusat kesihatan, cawangan Bank Pertanian Malaysia, perpustakaan desa, gelanggang sukan tenis dan badminton.

Malah Bank Dunia pada tahun 1993 mengiktiraf sistem pengurusan projek ini sebagai terbaik dan memperakui ia berjaya menghasilkan pendapatan yang menggalakkan, lalu mensyaratkan negara yang ingin memohon pinjaman daripadanya, melawat dan mempelajari sistem pengurusan tanah rancangan ini.

Ini kerana tanah rancangan ini mencatat rekod dengan berjaya menjelaskan pinjaman RM220 juta daripada Bank Dunia lebih awal dari tempoh 15 tahun yang ditetapkan. Hutang itu diselesaikan pada tahun 1993.

Tanah rancangan ini yang dibuka pada tahun 1981 telah memperuntukkan kawasan seluas 12,211 hektar untuk dibangunkan dengan tanaman padi dan kelapa sawit melalui sistem pemilikan saham kepada 1,236 para pesertanya di mana setiap peserta memiliki 2.4 hektar tanah - 1.2 hektar sawah dan 1.2 hektar kelapa sawit.

Melalui sistem saham, keseluruhan projek diurus dan ditadbir sebagai sebuah ladang dan peserta menjadi pemilik bersama menanggung kos hutang pembangunan dan bersama menikmati faedah, sama ada sebagai pekerja yang mendapat upah atau lebihan tahunan setelah projek mengeluarkan hasil.

Seluas 4,291.98 hektar ditanam dengan padi dan 7,919.79 hektar kelapa sawit, sementara kerajaan turut memperuntukkan seluas 400 hektar sebagai kawasan industri yang masih belum dibangunkan, dan 400 hektar lagi untuk kawasan penempatan dan simpanan.

Penyelaras Trans Perak, Abdul Rahim Thamby memberitahu Bernama bahawa pada tahun lepas tanah rancangan ini mencatat keuntungan sejumlah RM45.52 juta setelah ditolak perbelanjaan ladang kira-kira RM26.885 juta.

Malah Felcra juga membayar zakat terkumpul berjumlah RM13.397 juta kepada Baitulmal Perak iaitu sebahagian daripada keuntungan terkumpul daripada hasil tanaman padi.

Beliau berkata peningkatan hasil ladang juga telah memberi pendapatan yang baik kepada para peserta, di mana berdasarkan kepada kajian Felcra, purata pendapatan setiap peserta rancangan itu adalah di antara RM700 dan RM800 sebulan, bagaimanapun ramai yang mendapat lebih RM1,000 sebulan hasil kerja sampingan yang mereka lakukan.

Ini kerana selain menjadi pemegang saham dan mengambil upah bekerja di

ladang kelapa sawit dan padi, para peserta juga boleh menjalankan pelbagai kerja yang lain yang disediakan di rancangan itu yang bernilai RM2 juta setahun.

Beliau berkata penggunaan teknologi moden seperti jentera membajak dan menuai padi, "blower" untuk menabur benih padi dan pembajaan dengan kapalterbang telah berjaya mempertingkatkan hasil tanaman padi kawasan rancangan itu.

Kini hasil pengeluaran padi tanah rancangan itu mencapai tahap di antara 7.5 dan lapan metrik tan padi sehektar semusim berbanding kawasan lain yang hanya antara lima dan enam metrik tan sehektar semusim, katanya.

Sementara pengeluaran buah kelapa sawit juga mencapai tahap 30 metrik tan setiap hektar berbanding 17.4 metrik tan sehektar sebelum ini, katanya.

Abdul Rahim berkata selain daripada bidang pertanian, para peserta juga melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Mereka yang memiliki jentera perladangan seperti lori dan traktor mengambil upah mengangkut buah sawit dan padi.

Sementara Perkumpulan Wanita Dinamis Felcra (Wadira) pula menjalankan perkhidmatan katering sehingga mendapat tempahan daripada syarikat dan organisasi dari bandar-bandar berdekatan.

Para peserta rancangan itu kini memiliki 71 lori berbanding tiga ketika rancangan baru di buka, 118 buah kereta (5), 47 trektor, 38 van, 1,731 motosikal (190) dan 1,419 basikal (184) serta ramai yang sudah mengubahsuai rumah masing-masing hasil daripada pendapatan yang diperolehi daripada tanah rancangan itu.

Dari segi tabungan, sejumlah RM2.3 juta telah disimpan di cawangan Bank Pertanian di situ oleh 4,190 peserta beserta keluarga mereka, sementara RM750,000 telah dilabur oleh 1,501 peserta dan keluarganya dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) dan RM252,000 di Tabung Haji, katanya.

Sementara jumlah transaksi di bidang perniagaan runcit di Kompleks Perniagaan Seberang Perak yang juga dikendalikan oleh para peserta, berjumlah RM2 juta setahun.

Abdul Rahim tidak dapat menafikan kemajuan dan pembangunan di kawasan itu adalah hasil hubungan rapat antara pegawai pelaksana dan peserta yang sering bertukar-tukar fikiran untuk mendapat faedah terbaik.

Malah bagi memastikan adanya hubungan kemasyarakatan yang harmoni di tanah rancangan itu Felcra turut menaja penubuhan institusi sosial seperti Jawatankuasa Kemajuan Projek, Koperasi Peserta Rancangan, Perkumpulan Wanita Dinamis Felcra, Pergerakan Belia, Taman Bimbingan Kanak-Kanak dan Taman Asuhan Kanak-Kanak.

Berdasarkan prestasi serta pemuafakatan masyarakat yang wujud di Trans Perak, ia dipilih oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai tapak pelancaran Gerakan Desa Wawasan yang merupakan transformasi kedua pembangunan luar bandar oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Julai ini.

Dr Mahathir juga dijadualkan melancar Piagam Desa Wawasan, Dataran Piagam beserta melancarkan beras jenama "Perdana Ria" yang dibungkus oleh Koperasi Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Bhd.

Manakala isterinya, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan merasmikan "Projek 1001" Gelanggang Rakyat. -- BERNAMA

LAT RON